



BAHAGIAN SUKAN, KOKURIKULUM DAN KESENIAN

Sports, Co-curricular and Arts Division

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Ministry of Education Malaysia

Aras 1, 2 & 7, Blok E13, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Telefon : +603 8884 1001 / +603 8884 1002
Faks : +603 8884 1034 / +603 8888 6790
Laman Web : www.moe.gov.my

Ruj. Tuan : PSB/LSC/LDO/43.2.1/24/132

Ruj. Kami : KPM.600-4/1/1 Jld. 33(68)

Tarikh : 4 Disember 2024

Pengarah
Jabatan Pembelajaran dan Pusat Satelit
PETROSAINS, The Discovery Centre
Level 4, Suria KLCC
PETRONAS Twin Towers
50088 Kuala Lumpur

Tuan,

PENGKIRAFAN MARKAH KOKURIKULUM PELIBATAN MURID BAGI PETROSAINS RBTX CHALLENGE 2024

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia mengucapkan tahniah atas usaha pihak pengajur kerana telah memberi peluang kepada murid meningkatkan potensi diri serta menaikkan nama sekolah melalui **Petrosains RBTX Challenge 2024** yang dilaksanakan pada **1 Mei hingga 27 Oktober 2024**.

3. Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian telah menerima serta meneliti laporan pelibatan murid bagi program yang dianjurkan. Sehubungan dengan itu, pengiktirafan pemarkahan yang diberikan ialah **Pelibatan I dan Pencapaian Peringkat Kebangsaan**. Markah ini diambil kira dalam pemarkahan penglibatan kokurikulum dalam Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK). Bagi tujuan pemarkahan, pihak pengajur perlu merujuk kepada jadual penilaian markah PAJSK yang telah ditetapkan seperti di **Lampiran A**.

4. Sehubungan dengan itu, pihak pengajur dimohon untuk memanjangkan salinan surat pengiktirafan program berserta senarai nama pemenang dan peserta yang terlibat kepada Jabatan Pendidikan Negeri. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini, pihak tuan boleh menghubungi **Encik Muhammad Sanjay bin Paramarie** di talian **03-8872 1763** atau e-mel **muhammad.sanjay@moe.gov.my**.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(ITHNIN BIN MAHADI)

Pengarah
Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian
Kementerian Pendidikan Malaysia

**PENERANGAN PENYELARASAN PENGIFTIRAFAN PEMARKAHAN
PENGLIBATAN DAN PENCAPAIAN KOKURIKUKULUM MURID DALAM
PENILAIAN PENTAKSIRAN AKTIVITI JASMANI, SUKAN DAN KOKURIKULUM
(PAJSK) KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

JENIS PENGLIBATAN

| JENIS | TAFSIRAN |
|-----------------|---|
| PENGLIBATAN I | Murid yang didaftarkan sebagai atlet/peserta perkhemahan/ kejohanan/ kursus/karnival/program pertandingan |
| PENGLIBATAN II | Pelibatan murid dalam aktiviti seperti: - Jawatankuasa pelaksana - Petugas Teknikal - Persembahan selingan |
| PENGLIBATAN III | Pelibatan murid yang bersifat meramaikan majlis seperti penyokong, kumpulan sorak dan sebagainya |

SKOR PENGLIBATAN

| PERINGKAT | SKOR | | |
|--------------------------|---------------|----------------|-----------------|
| | Penglibatan I | Penglibatan II | Penglibatan III |
| Antarabangsa | 20 | 15 | 10 |
| Kebangsaan | 17 | 12 | 8 |
| Negeri | 14 | 10 | 6 |
| Bahagian (Sabah/Sarawak) | 12 | 9 | 5 |
| Zon/Daerah | 11 | 8 | 4 |

SKOR PENCAPAIAN

| ELEMEN | PERKARA | SKOR | | | | |
|------------------|--------------|-----------|-------|------------|--------|---------|
| | | PERINGKAT | Johan | Naib Johan | Ketiga | Keempat |
| TAHAP PENCAPAIAN | Antarabangsa | 20 | 19 | 18 | 17 | 16 |
| | Kebangsaan | 17 | 16 | 15 | 14 | 13 |
| | Negeri | 14 | 13 | 12 | 11 | 10 |
| | Daerah | 11 | 10 | 9 | 8 | 7 |
| | Sekolah | 8 | 7 | 6 | 5 | 4 |